

16 OCT 2000

Mahathir-Wanita

PERJUANGAN WANITA UMNO SENTIASA DIHARGAI, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 16 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata cadangan penubuhan Puteri Umno tidak bermakna bahawa parti tidak berpuas hati dengan peranan Pergerakan Wanita.

Katanya, selaku Presiden parti, beliau dan Majlis Tertinggi menghargai peranan Pergerakan Wanita dalam perjuangan dan aktiviti Umno dari dulu hingga sekarang.

"Sebenarnya kita amat menghargai peranan Wanita. Walaupun (anggotanya) mungkin berumur sedikit, tetapi memang mereka cukup aktif dan menyumbang amat banyak kepada perjuangan Umno," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat MT di sini.

Katanya mesyuarat itu bersetuju dengan cadangan supaya diwujudkan Puteri Umno untuk menarik lebih banyak penyertaan golongan muda dalam perjuangan parti.

Bagaimanapun cara pelaksanaan Puteri Umno termasuk had umur belum ditentukan, kata Dr Mahathir.

"Tidak bermakna ini (Puteri Umno) satu badan baru untuk menggantinya (Pergerakan Wanita). Tidak ada niat ganti. Kita akan pastikan mereka bekerja sama-sama," kata Perdana Menteri.

Cadangan-cadangan mengenai Puteri termasuk had umur anggotanya akan diputuskan pada mesyuarat MT akan datang.

Penetapan had umur anggota Puteri perlu disesuaikan dengan pindaan perlembagaan supaya ia dapat memainkan peranan dengan baik, katanya.

Dr Mahathir berkata laporan akhbar yang menggelarkan anggota Wanita Umno sebagai golongan "makcik-makcik" tidak sepatutnya berlaku kerana ini mungkin menimbulkan salah faham bahawa Wanita tidak berguna lagi.

Beliau berkata Umno menyedari pentingnya keanggotaannya ditambah terutamanya daripada golongan muda.

"Yang menjadi masalah ialah kita tidak dapat menarik ramai golongan muda untuk menyertai Umno dan ini bukan terhad kepada Wanita sahaja. Pergerakan Pemuda juga diharap menarik lebih ramai golongan muda menyertai Umno," katanya.

Dr Mahathir berkata terdapat cadangan agar perlembagaan Umno dipinda bagi membolehkan belia berumur 16 tahun menyertainya.

"Generasi muda sepatutnya terlibat dengan Umno lebih awal lagi supaya mereka faham dengan perjuangan Umno dan meneruskan perjuangannya selepas generasi yang tua ini mengundur diri.

"Ini tidak bermakna bahawa generasi tua sudah hilang kemampuan mereka untuk menyumbang kepada perjuangan Umno. Bagaimanapun, kita mesti ada persiapan untuk mengambil alih kepimpinan dan keahlian dalam Umno," katanya.

Menjawab pertanyaan kemungkinan golongan muda yang menyertai Umno hanya berminat merebut jawatan, Dr Mahathir berkata Umno akan mengetahui tujuan kemasukan seseorang menyertai parti itu.

Dr Mahathir turut memaklumkan MT mengenai lawatannya ke Britain baru-baru ini serta pertemuan beliau dengan penuntut Malaysia di Cambridge dan Manchester.

Katanya pelajar Malaysia masih menyokong kerajaan walaupun terdapat beberapa soalan daripada penyokong parti pembangkang.

"Tetapi nampak sambutan yang diberikan terhadap lawatan itu begitu menggalakkan," katanya.

Beliau berkata terdapat juga tunjuk perasaan semasa lawatannya tetapi ia bukan dilakukan pelajar Malaysia.

Katanya demonstrasi semasa beliau menghadiri sesi dialog dengan golongan intelek dan profesional Islam dilakukan oleh rakyat Pakistan manakala semasa di Cambridge, ia disertai oleh kumpulan pejuang hak asasi

manusia Amnesty International dengan disokong beberapa penuntut Malaysia.

"Saya berpendapat bahawa kalau diadakan penjelasan, ramai yang akan menukar pendirian mereka," katanya.

-- BERNAMA

RZS MAM AFY MAI